

# PdPR Menguji Semangat Belajar Murid

**P**ADA tahun 2020 hingga tahun 2021 menyaksikan bidang pendidikan juga berada dalam situasi yang amat sukar apabila semua orang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan pandemik COVID-19.

Namun demikian, pembelajaran di rumah secara tidak formal sudah bermula sejak murid lahir hingga murid memasuki sekolah. Ibu bapa merupakan guru pertama kepada anak atau muridnya di rumah. Ibu bapa yang mencorakkan masa hadapan anak mereka. Segala pertuturan ibu bapa ditiru oleh anak.

Proses mendidik terletak pada kebijaksanaan ibu bapa selaku penjaga anak. Apabila anak ke sekolah, guru mengambil peranan mengajar murid. Semasa pembelajaran dan pelajaran di rumah (PdPR), tanggungjawab guru semakin mencabar kerana berhadapan dengan pelbagai kerenah murid yang ada masanya tidak berada di lokasi dan tempat belajar di rumah.

Apabila murid berada di sekolah, tanggungjawab mendidik itu terletak di bahu guru. Walaupun waktu bersama ibu bapa dengan anak agak panjang di rumah, kebanyakan ibu bapa terpaksa mengabaikannya kerana dibebani dengan urusan kerja. Selain bekerja di rumah, tanggungjawab ibu bapa juga perlu menjaga, mendidik dan memantau perkembangan pembelajaran anak.

Ekoran pandemik ini, banyak murid yang keciciran dalam pelajaran. Serangan pandemik COVID-19 menyebabkan murid yang lemah, sederhana dan pintar berada dalam situasi yang tidak dijangka. Masing-masing tiada arah dan tujuan dalam pembelajaran.

Proses pembelajaran bahasa juga menghadapi masalah. Ibu bapa yang mengambil tanggungjawab guru semasa PdPR terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerenah dan tingkah

laku anak. Ibu bapa menjadi tidak keruan dan rimas dengan tugas yang diberikan oleh guru. Bagi ibu bapa yang berpendidikan tinggi, mereka dapat mengajar anak menerusi sokongan peranti pintar.

Bagi ibu bapa yang kurang berpendidikan tinggi dan bergaji rendah berhadapan dengan masalah penyediaan kemudahan Internet. Faktor ekonomi ibu bapa menyebabkan anak tidak dapat mengikuti pembelajaran dalam talian secara sempurna. Dalam hal ini, ibu bapa terpaksa bertungkus-lumus menyediakan kemudahan pendidikan demi masa hadapan anak.

Begitu juga guru dilihat sedaya upaya menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Dalam masa yang sama mereka perlu menunaikan tanggungjawab mereka kepada keluarga. Guru perlu bijak menggunakan pelbagai kreativiti dan metode untuk menyampaikan ilmu pendidikan. Ada tugas sekolah diberikan dalam bentuk video, bergambar dan modul. Guru perlu berdaya usaha menambahkan kemahiran dan menuntut ilmu baharu sesuai dengan cabaran yang dihadapi.

PdPR perlu mendapat sokongan padu daripada ibu bapa. Ibu bapa perlu faham anak mereka perlu belajar di rumah. Semasa menghadapi pandemik ini, ibu bapa perlu bijak merancang pendidikan anak supaya mereka dapat menghadapi situasi sukar ini. Peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru juga penting memberikan sokongan moral, kewangan dan tenaga bagi menjayakan PdPR. Hal ini sesuai dengan slogan "Rumahku Syurgaku". Sekolah juga menjadi syurga bagi murid. Apabila murid menghabiskan masa yang lama di rumah, mereka dapat menggunakan masa yang senggang untuk mengulang kaji dan memahami ilmu secara pembelajaran sendiri.

Pihak sekolah perlu memberikan sokongan moral kepada murid melalui unit kaunseling. Peranan

guru kaunseling dan semua guru berganding bahu menjayakan PdPR. Guru perlu memudah cara pembelajaran murid dengan menggunakan aplikasi WhatsApp, Telegram dan sumber media sosial yang lain. Semangat berpasukan dalam kalangan guru juga penting untuk menjayakan PdPR.

Jika murid tiada minat pembelajaran tidak akan menjadi. Minat murid dalam PdPR perlu diasuh dan diterapkan supaya murid faham dan mudah lentur dengan situasi yang dihadapi. Murid yang mengikuti PdPR perlu mendapat galakan bukan sahaja daripada guru, tetapi sokongan ibu bapa secara berterusan. Bukan bermakna sokongan ibu bapa tiada, tetapi tidak semua ibu bapa mampu menyediakan kemudahan pembelajaran, dapat meluangkan masa dengan anak dan memberikan sumbangan bukan sahaja wang, tenaga dan buah fikiran ke arah kemenjadian murid.

Pelbagai cabaran yang dihadapi perlu adanya kerjasama antara sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat. Sokongan komuniti setempat, iaitu penyediaan dewan orang ramai, pusat akses Internet diperlukan bagi menyokong PdPR. Apabila komuniti setempat memberikan sokongan menyediakan tempat belajar, kewangan dan sokongan moral akan membolehkan murid belajar dengan penuh bersemangat dan penuh minat.

Pengakhiran PdPR ternyata memberikan khabar gembira dan semua pihak perlu bersedia menghadapi segala kemungkinan dalam bidang pendidikan. Dalam proses menuju fasa endemik ini, proses pembelajaran diteruskan secara bersemuka yang bermula pada penghujung bulan Mac 2022. Keadaan ini memberikan semangat baharu untuk anak murid meneruskan pembelajarannya. **PB**